



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

PEKELILING PENYEDIA LATIHAN BIL.1/96

**BAYARAN PROSESAN BAGI PERMOHONAN PENAMBAHAN CAWANGAN
DAN BERPINDAH TEMPAT DARIPADA PENYEDIA LATIHAN DI BAWAH SKIM
PROLUS**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Mesyuarat Majlis Pembangunan Sumber Manusia yang telah diadakan pada 15 Ogos 1996 telah menetapkan agar setiap penyedia latihan mengemukakan bayaran prosesan sebanyak RM175 bagi perkara-perkara berikut :-

- i. Pembukaan atau penambahan cawangan
- ii. Berpindah tempat latihan

3. Untuk memudahkan permohonan diproses, dokumen-dokumen berikut perlu dikemukakan :-

- i. Borang MPSM/PRO/1/93
- ii. Lampiran A
- iii. Perjanjian sewa/beli bangunan
- iv. Bayaran prosesan sebanyak RM175 berbentuk cek/bank deraf/wang pos dan dbuat atas nama **MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA.**

4. Surat pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Oktober 1996.**

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(YAU DE PIYAU)

Ketua Pengarah
Majlis Pembangunan Sumber Manusia.

